

# Kenaikan harga minyak tidak bebankan rakyat

UM 9 MAY 2002  
KUALA LUMPUR 1 Mei — Kenaikan harga petrol dan diesel sebanyak dua sen yang berkuat kuasa hari ini tidak akan membebankan rakyat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut beliau, kenaikan itu perlu memandangkan kerajaan terpaksa menanggung subsidi sebanyak RM700 juta setahun.

“Kita menanggung subsidi yang tinggi setiap tahun dan kita tidak dapat menanggung dengan jumlah itu selama-lamanya.

“Kita perlu mencari jalan untuk mengurangkan tanggungan tersebut,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Hah Pkerja 2002 Bagi bnggota Sektor Awam anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kongres Kesatuan Pkerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuopacs) di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan), Bukit Kiara di sini, hari ini.

Beliau mengulas pengumuman kenaikan harga petrol dan diesel sebanyak dua sen berkuat kuasa hari ini.

Sementara itu, harga gas petroleum cecair (LPG) pula dinaikkan sebanyak satu sen.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kabinet membuat keputusan itu memandangkan kos pengeluaran produk-produk petroleum yang terus meningkat.

Dalam perkembangan lain, Dr. Mahathir berkata, hukuman berat yang dikenakan terhadap pesalah sumbang mahram tidak akan berhasil jika tidak disusuli dengan ajaran agama yang kukuh.

Kata Perdana Menteri, kejadian sumbang mahram berpunca daripada keruntuhan akhlak, bukan disebabkan hukuman yang ringan.

Taraf kehidupan sesebuah keluarga juga, tegasnya, tidak boleh dijadikan ukuran sebagai faktor berlakunya kejadian tersebut.

“Kita dapati di Malaysia orang miskin terlibat dengan sumbang mahram, tetapi di negara lain orang yang kaya juga terlibat, jadi kaya dan miskin tiada kaitan tapi ilmu dan akidah yang baik dapat menghindarkan perkara ini,” katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, beliau pernah mencadangkan supaya mata pelajaran seks diajar di sekolah supaya generasi muda tidak terdorong daripada melakukan perkara maksiat.

Bagaimanapun, menurut Dr. Mahathir, cadangan itu tidak mendapat persetujuan ramai kerana ada pihak yang memandangnya dari satu sudut semata-mata.

Beliau mengaku merasa amat malu terhadap perbuatan yang dilakukan sebilangan besar orang Islam yang sepatutnya berpegang teguh kepada ajaran agama.